

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 mampu untuk mendepani cabaran dan bersedia dalam berhadapan era ekonomi digital.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kemunculan teknologi baru (emerging technology) telah mengubah landskap sektor pembuatan ke satu dimensi baharu dengan peningkatan dramatik dalam produktiviti dan kecekapan. Sektor pembuatan di Malaysia juga mula beralih daripada kebergantungan kepada tenaga kerja kurang mahir asing ke tenaga kerja berkemahiran tinggi dan penggunaan berasaskan teknologi. Transformasi teknologi industri 4.0 serta persaingan sengit negara-negara baru muncul (*new emerging countries*) turut mengubah model perniagaan syarikat.

2. Berikutan penularan COVID-19 dan impak kepada sektor ekonomi, penggunaan dan adaptasi teknologi Industri 4.0 dapat memastikan kesinambungan dan penambahbaikan perniagaan terutama dalam pemulihan perniagaan, penstrukturan semula rantai bekalan serta membolehkan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) kembali berdaya saing. Adaptasi teknologi Industri 4.0 membolehkan PKS mengurangkan kos operasi dalam jangka masa panjang, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh serta meningkatkan produktiviti. Peralihan ini adalah penting bagi memastikan industri tempatan akan terus kekal berdaya saing dengan sokongan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan inovatif.

3. Dasar Negara mengenai Industri 4.0 atau *Industry4WRD* dan Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang 2016-2020 merupakan dasar untuk mempertingkatkan transformasi digital di dalam sektor pembuatan dan aktiviti e-dagang agar terus meningkatkan sumbangan terhadap ekonomi, memperkukuh produktiviti, menggalakkan daya inovasi dan menambah bilangan tenaga kerja mahir. Dasar *Industry4WRD* ini adalah bertujuan untuk menggalak transformasi industri pembuatan dan perkhidmatan berkaitan untuk menjadi lebih pintar, sistematik dan berdaya saing melalui adaptasi teknologi Industri 4.0. Menerusi Dasar ini, beberapa pelan tindakan sedang dilaksanakan bagi membantu peralihan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan kepada Industri 4.0 berdasarkan lima (5) strategi pemboleh, iaitu Pembiayaan, Infstruktur,

Rangka Kerja, Kemahiran & Bakat, dan Teknologi. Antara program utama di bawah dasar ini ialah:

- a. Program Penilaian Kesiediaan (*Readiness Assessment – RA*); dan
- b. Program Intervensi untuk membantu PKS mengaplikasikan teknologi Industri 4.0.

4. Program RA bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesiediaan sesebuah syarikat pembuatan dan perkhidmatan berkaitan seterusnya menyediakan cadangan langkah-langkah penambahbaikan untuk beralih kepada Industri 4.0. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 1,205 permohonan telah diterima dan 711 permohonan telah diluluskan. Seterusnya, syarikat-syarikat yang telah melalui program RA akan berpeluang untuk mengikuti Program Intervensi melalui kemudahan sokongan kewangan kepada PKS untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0. Program Intervensi ini menawarkan Dana Intervensi *Industry4WRD (Intervention Fund)* dengan nisbah 70 peratus ditanggung oleh Kerajaan, tertakluk kepada had maksimum RM500,000 dan 30 peratus lagi ditanggung oleh pihak syarikat. Setakat Oktober 2020, sebanyak 41 buah syarikat telah diluluskan geran tersebut.

5. Peralihan kepada Industri 4.0 akan meningkatkan permintaan terhadap kumpulan sumber tenaga berkemahiran tinggi yang berteraskan teknologi Industri 4.0. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada bidang pekerjaan berkemahiran rendah yang bersumberkan tenaga buruh asing. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan termasuklah penyediaan program-program yang direka khusus dengan penekanan kemahiran teknologi 4.0 yang diperlukan oleh pihak industri bagi tujuan meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan melatih semula (*reskilling*) tenaga kerja sedia ada. Inisiatif ini juga akan memastikan ketersediaan bakat masa hadapan melalui pengukuhan pelajaran terhadap kemahiran terkini Industri 4.0 melalui penambahbaikan Pusat Kecemerlangan bagi latihan dan pembelajaran teknologi 4.0. Transformasi Industri 4.0 ini bukan sahaja akan mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu serta mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga asing tetapi juga

menyediakan persekitaran pekerjaan yang selamat melalui penggunaan teknologi Industri 4.0.

6. Bagi aspek inisiatif pendigitalan, Pelan Halatuju Strategik e-Dagang Kebangsaan, 2016 – 2020 telah dirangka untuk membangunkan ekosistem e-dagang negara, menjana potensi industri e-dagang tempatan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Antara pencapaian utama Pelan tersebut adalah termasuk:

- i. Sejumlah 335,834 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah dilatih untuk menggunakan platform e-dagang. Dalam tempoh lapan (8) bulan pertama tahun ini sahaja, sebanyak 92,274 PKS telah dilatih, melebihi sasaran tahunan seramai 50,000 PKS;
- ii. 20,970 PKS telah memanfaatkan platform e-dagang untuk jualan atas talian ke pasaran eksport. Melalui program eTRADE yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perbadanan Luar Malaysia (MATRADE), PKS tersebut telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, Arab Saudi, India, Mauritius dan Panama; dan
- iii. Dalam mewujudkan sistem logistik bersepadu, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menarik dan meluluskan pelaburan bernilai RM1.5 bilion. Pada tahun ini sahaja, pelaburan berjumlah RM863 juta dalam hab e-fulfillment serantau telah diluluskan. Jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak 17 kali ganda, berbanding sasaran asal iaitu RM50 juta yang ditetapkan di bawah Pelan Halatuju Strategik e-Dagang Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.